



03 SEP, 2026

Redah terowong jaga jana kuasa hidro

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 1



PASUKAN teknikal TNB membuat pemeriksaan dalam terowong Skim Hidroelektrik Ulu Jelai yang terletak di Pahang.

Redah terowong jaga jana kuasa hidro

- **TNB selenggara infrastruktur hidroelektrik**
- **Pastikan aset sumber elektrik dalam keadaan baik**

PETALING JAYA – Ketika jutaan rakyat menikmati cahaya lampu dan menggunakan elektrik dalam kehidupan seharian, ada insan yang perlu bergelap serta meredah laluan berair jauh di dalam terowong demi memastikan tenaga itu terus mengalir.

Itulah antara cabaran dilalui pasukan teknikal Tenaga Nasional Berhad yang memikul tanggungjawab memeriksa dan menjaga infrastruktur Skim Hidroelektrik Ulu Jelai di Pahang.

Berbekalkan lampu kepala dan peralatan ukur, mereka menyusuri terowong untuk melakukan pemeriksaan terhadap aset

yang menjadi sebahagian penting sistem penjanaan hidro negara.

Walaupun kelibat mereka kelihatan kecil di tengah terowong yang luas, tanggungjawab dipikul cukup besar kerana setiap pemeriksaan perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan sistem hidro terus beroperasi dengan cekap dan selamat.

Antara kejuruteraan utama skim berkenaan ialah Terowong Lencongan Telom sepanjang 8.5 kilometer (km) dan Lemoi sejauh 7.4 km yang masing-masing mempunyai diameter 3.5 meter.

Menerusi terowong itu, air dari kawasan tadahan bersebelahan disalurkan untuk dimanfaatkan dalam proses penjanaan elektrik.

Tugas berkenaan bukan sekadar berjalan menyusuri terowong apabila pasukan teknikal perlu melakukan bacaan dan pemerhatian secara teliti dalam persekitaran gelap serta berair yang menuntut kemahiran dan

kecekalan tinggi.

Malah, ada ketikanya mereka perlu merapat ke lantai terowong dengan hanya berpandukan cahaya lampu suluh bagi memeriksa dan merekod keadaan aset.

Pemeriksaan itu penting kerana terowong merupakan sebahagian daripada sistem yang mengalihkan dan menyalurkan air bagi penjanaan elektrik di Stesen Janakuasa Ulu Jelai yang mempunyai kapasiti terpasang 372 megawatt (MW).

Tenaga yang dihasilkan menerusi sumber air berkenaan seterusnya menyokong keperluan sistem elektrik negara selain membantu kestabilan grid terutama ketika permintaan elektrik berada pada tahap tinggi.

Ketelitian pasukan teknikal itu memastikan aset terus berfungsi dengan baik supaya tenaga dapat menyokong kehidupan, pekerjaan dan kegiatan ekonomi rakyat.